

WISCC anjuran UnisZA bakal beri imej baharu kepada negara-negara Islam

PUTRAJAYA 1 Dis. - Kongres Sains Sosial Islam Sedunia (WISCC) anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) bakal memberi imej baharu kepada negara-negara Islam apabila tidak lagi dilabel sebagai negara yang selalu berdepan dengan konflik.

Naib Canselor UnisZA, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim berkata, WISCC menjadi medium bagi kajian sains sosial negara Islam yang diketengahkan untuk bertukar-tukar idea dan pandangan serta mencari penyelesaian bagi setiap permasalahan yang timbul.

Beliau berkata, WISCC juga menjadi medan untuk mengeratkan lagi hubungan akademik dengan institusi Islam di seluruh dunia bagi meningkatkan kecermerlangan dalam bidang akademik melalui penyelidikan, peradangan, forum dan juga penerbitan.

"Kita mahu mengiktis persepsi masyarakat seluruh dunia terhadap negara dan umat Islam, sebelum ini negara Islam hanya dilabel sebagai negara yang berdepan dengan konflik sesama sendiri selain turut didakwa melahirkan ramai pengganas.



ASYRAF WAJDI DUSUKI (sepuh dari kiri) dan Yahaya Ibrahim (tengah) bersama sebahagian daripada wakil 22 universiti dari Indonesia selepas menandatangani MoU bagi mengeratkan kerjasama selepas perasmian WISCC anjuran UnisZA di Putrajaya, semalam. - BERNAMA

"Hasil pembentangan kertas kerja dan resolusi yang dibincangkan dalam WISCC ini akan dibukukan, sebelum dilampirkan kepada pihak kerajaan negara-negara peserta," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Perasmian WISCC, di sini hari ini.

Terdahulu WISCC yang berbilang

sung selama dua hari bermula hari ini itu dirasmikan oleh Tumbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki.

Menurut Yahaya, WISCC yang berbilang di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) itu disertai oleh 400 peserta daripada 18 buah negara Islam yang mengang-

gotai Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan setiap peserta dikenakan bayaran sebanyak RM400.

"Daripada jumlah tersebut sebanyak 320 peserta akan membentangkan kertas kerja masing-masing dan antara tema yang akan dibincangkan ialah isu politik negara dan komuniti Islam sedunia, isu

ekonomi negara Islam dan isu-isu sosial memabatkan negara Islam.

"Pada WISCC ini juga UnisZA telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan 22 pusat pengajian dari Indonesia yang bertujuan mengeratkan lagi hubungan pihak terbabit dalam bidang akademik," katanya.

Dalam pada itu, Asyraf Wajdi dalam ucapan perasmianya mengucapkan tahniah kepada UnisZA kerana berjaya menganjurkan WISCC kerana tiada lagi persidangan serupa itu dianjurkan di Malaysia dengan melibatkan peserta daripada negara Islam untuk membincangkan mengenai isu-isu sosial dunia Islam.